

## Manhaj Sayyid Qutb dalam Berinteraksi dengan Ayat-Ayat Berkaitan Wanita di dalam Al-Quran

*Sayyid Qutb's Methodology in Interacting with Quranic Verses Related to Women*

**Husna Husain & Ibrahim Hashim**  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
email: husnahusain@fsk.upsi.edu.my

### Abstrak

Di dalam al-Quran terdapat sebilangan kecil ayat yang menyatakan tentang wanita dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Berdasarkan kaedah penyelidikan induktif dengan melihat kepada keseluruhan isi kandungan Tafsir Fi Zilal Al-Quran, makalah ini mengenal pasti ciri-ciri ayat yang berkaitan dengan wanita, di samping melihat manhaj Sayyid Qutb dalam berinteraksi dengan ayat-ayat ini melalui kitab tafsirnya berserta contoh-contoh yang berkaitan. Pada akhirnya, makalah ini mengenal pasti sikap dan kedudukan beliau terhadap wanita dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

**Kata kunci:** Sayyid Qutb, Tafsir Fi Zilal Al-Quran, Manhaj Tafsir Sayyid Qutb

### Abstract

*In the Quran there are few verses state about women and matters related to them. Based on research methodology of inductive, all contents of Tafsir Fi Zilal Al-Quran were analysed. This paper identifies the characteristics of verses related to women besides analyses the methodologies used by Sayyid Qutb in interacting with these verses with relevant examples. Finally, this paper identifies his attitude and stand over the position of women and matters related to them.*

**Keywords:** Sayyid Qutb, Tafsir Fi Zilal Al-Quran, Sayyid Qutb's Methodology In Tafsir

### Pengenalan

Sayyid Qutb atau nama sebenarnya Sayyid Qutb Ibrahim Husain Syazili adalah tokoh tafsir berpengaruh dalam kalangan masyarakat di negara Arab bahkan juga di serata dunia pada abad ke-20. Beliau dilahirkan pada tahun 1906M di Kampung Musyah di daerah Asyut Mesir. Beliau membesar dalam keluarga yang sangat mengambil berat tentang pendidikan Islam kepada anak-anak. Oleh itu, sedari kecil beliau telah diajar tentang al-Quran dan dikatakan bahawa beliau telah menghafaz al-Quran sebelum usianya sebelas tahun (Al-Khalidi, 2000).

Kisah hidup perjuangan serta pemikirannya boleh dilihat dengan jelas melalui penulisan-penulisannya yang menjadi perhatian ramai. Penulisan-penulisan beliau pada asalnya tertumpu pada karya bahasa dan sastera. Kemudian berkembang kepada penulisan berkaitan keindahan dan keunikan bahasa di dalam al-Quran yang perlu ditadabbur oleh pembacanya. Sebagai contoh buku *al-Taswir al-Fanniy fi al-Quran* dan *Masyahid al-Qiyamah fi al-Quran*. Selepas itu, kemuncak kegemilangan dan pengaruh besar pemikiran beliau melalui penulisan beliau berlaku dalam tempoh sekembalinya beliau dari Amerika Syarikat dari tahun 1948-1966. Dalam tempoh tersebut kesemua penulisan beliau tertumpu pada mesej islah dan tajdid, amal islami, keadilan sosial dalam Islam dan jihad. Karya yang dianggap *magnum opus* dari beliau ialah kitab tafsirnya *Tafsir Fi Zilal al-Quran* yang telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa di dunia dan diulang cetakannya beberapa kali. Selain *Tafsir Zilal*, karya yang lain seperti *al-Adalah al-Ijtima'iyah fi al-Islam*, *Kitab Haza al-Din* dan *Ma'alim fi al-Tariq* turut menjadi tumpuan ramai.

## Ayat-ayat Berkaitan Wanita Di Dalam Al-Quran

Secara umum, ayat-ayat al-Quran ditujukan kepada lelaki dan wanita secara bersama, tiada perbezaan antara keduanya kerana al-Quran adalah kitab hidayah dan petunjuk bagi manusia seluruhnya (Al-Jassas, 1985:91). Sebagaimana contoh ayat dalam surah al-Mukminun;

وَالَّذِينَ هُمْ لِأُفْرُوجِهِمْ حَافِظُونَ

*Maksudnya: dan orang-orang yang memelihara kehormatan diri mereka.*

(al-Mukminun: 5)

Ayat ini difahami mesejnya ditujukan secara umum kepada lelaki dan wanita kerana *khitab muzakkar* yang ditujukan kepada lelaki dalam ayat ini merangkumi maksud wanita. Justeru difahami bahawa perintah memelihara maruah dan kehormatan diri ini adalah ditujukan buat lelaki dan wanita. Selain itu, asal dan asas dalam hukum syara' adalah meraikan kedua-dua lelaki dan wanita tanpa diskriminasi kerana fokus taklif atau pertanggungjawaban terhadap syariat adalah manusia muslim yang baligh dan berakal (Abdul Karim Zaidan, 1993:176) sebagaimana hadis riwayat Ahmad:

(رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ: عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ، وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَحْتَلِمَ، وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَفِيْقَ)

*Maksudnya: Diangkat catatan (amal) pada 3 perkara: seorang yang tidur sehingga dia bangun, bayi sehingga dia baligh dan orang gila sehingga dia waras.*

(Ahmad (2001), *Musnad 'Ali b. Abi Talib*, No. Hadis: 940, Jil. 2: 254)

Nabi S.A.W juga bersabda;

(إنما النساء شقائق الرجال)

*Maksudnya: Sesungguhnya wanita adalah saudara bagi lelaki.*

(Abu Daud (t.t), *Kitab al-Taharah*, No. hadis: 236, Jil. 1: 60)

Al-Khattabi menjelaskan bahawa hadis ini merujuk kepada pandangan dan tujuan penciptaan mereka adalah sebagaimana lelaki (Al-Khattabi, 1932:179). Begitu juga sesungguhnya Rasulullah S.A.W diutuskan kepada umatnya daripada lelaki dan wanita, maka kelaziman syariat yang terletak ke atas lelaki juga tertanggung ke atas wanita, kecuali terdapat nas yang khusus dan jelas daripada al-Quran dan hadis bahawa ia merujuk kepada wanita.

Berdasarkan kajian yang dilakukan dengan melihat keseluruhan kitab *Tafsir Fi Zilal Al-Quran* dan mengeluarkan satu persatu ayat-ayat yang berkaitan dengan wanita, dapat disimpulkan bahawa ayat-ayat berkaitan wanita di dalam al-Quran dapat diketahui dan dikenal pasti merangkumi syarat-syarat dan kriteria berikut;

1. Apabila lafaz atau perkataan itu merujuk kepada maksud wanita secara jelas atau makna tersembunyi. Sebagai contoh ayat yang mengandungi perkataan yang jelas merujuk kepada wanita seperti ( امرأة، أنثى، نساء، أم، والدة، بنت، أخت، عمّة، خالّة، فتيات، إماء، المحيض، الرضاعة، التي، اللاتي، ) ( اللاتي، مؤمنات، فانتات، زوج، النكاح، الوالدين، الأباء، الولد، ) ( الطلاق الأقربون، الأهل ). Manakala contoh bagi ayat yang mengandungi perkataan yang memberi maksud wanita secara tersembunyi termasuklah perkataan ( زوج، النكاح، الوالدين، الأباء، الولد، ) ( الطلاق الأقربون، الأهل ). Lafaz-lafaz ini memberi makna bahawa ayat tersebut adalah merujuk kepada wanita secara teori dan amali.
2. Apabila topik yang dibincangkan adalah berkaitan dengan watak dan sahsiah wanita. Kriteria ini terdiri daripada dua kategori;

Pertama, kisah-kisah yang terdapat di dalam al-Quran yang mengandungi watak wanita seperti kisah *Imra'ah* Imran, Maryam A.S, *Ummu Musa*, *Imra'ah al-'Aziz*, *Malakah Saba'*, *Imra'ah Luth* dan lain-lain sama ada watak tersebut adalah watak utama atau watak sampingan.

Manakala kategori kedua adalah ayat-ayat yang menyatakan tentang wanita pada zaman Nabi S.A.W yang mmenyebabkan sesuatu ayat itu diturunkan. Sebagai contoh ayat tentang *hadis al-ifk* dalam surah al-Nur, ayat tentang perkahwinan Nabi S.A.W dengan Zainab binti Jahsy dalam surah al-Ahzab, ayat tentang *ummahat al-mukminin* dalam surah al-Tahrim, ayat tentang *Ummu Jamil* dalam surah al-Masad dan lain-lain lagi.

Justeru, berdasarkan dua kriteria di atas, didapati ayat-ayat berkaitan wanita yang terdapat di dalam al-Quran yang merangkumi topik yang pelbagai adalah sebagaimana jadual berikut;

**Jadual 1:** Kedudukan ayat-ayat berkaitan wanita di dalam al-Quran.

<b>Bil</b>	<b>Nama Surah</b>	<b>Bilangan Ayat Berkaitan Wanita</b>
1	Al-Baqarah	19
2	Ali 'Imran	11
3	Al-Nisa'	24
4	Al-Ma'idah	3
5	Al-An'am	2
6	Al-A'raf	3
7	Al-Anfal	1
8	Al-Taubah	2
9	Hud	2
10	Yusuf	4
11	Al-Ra'd	1
12	Ibrahim	1
13	Al-Hijr	1
14	Al-Nahl	2
15	Al-Isra'	1
16	Maryam	2
17	Al-Anbiya'	1
18	Al-Haj	1
19	Al-Mukminun	1
20	Al-Nur	11
21	Al-Naml	2
22	Al-Qasas	8
23	Al-'Ankabut	1
24	Luqman	2
25	Al-Ahzab	20
26	Fathir	1
27	Al-Zumar	1
28	Ghafir	1
29	Fussilat	1
30	Al-Zukhruf	2
31	Al-Ahqaf	1
32	Al-Fath	2
23	Al-Hujurat	1
24	Al-Najm	1
25	Al-Mujadilah	3
26	Al-Hasyr	1

27	Al-Mumtahinah	3
28	Al-Talaq	4
29	Al-Tahrim	5
30	Al-Takwir	1
31	Al-Masad	1

Dapat disimpulkan daripada jadual di atas bahawa antara surah-surah yang banyak mengandungi ayat-ayat berkaitan wanita kesemuanya adalah surah *madaniyyah*, iaitu surah yang diturunkan selepas hijrah, seperti surah al-Baqarah, Ali 'Imran, al-Nisa', al-Nur, al-Ahzab, al-Talaq dan al-Tahrim. Oleh itu, didapati bahawa hal ehwal berkaitan wanita adalah merupakan elemen yang penting dalam pembinaan syariat dan membentuk sistem hidup manusia yang menyeluruh secara individu dan masyarakat (Fadhl Hassan 'Abbas, 2010:387).

### Manhaj Sayyid Qutb dalam Berinteraksi dengan Ayat-ayat Berkaitan Wanita

Sayyid Qutb telah menghasilkan sebuah karya tafsir yang mempunyai nilai yang tinggi kerana ianya kaya dengan kandungan pemikiran dan gagasan berhubung dengan persoalan kemasyarakatan dan gerakan dakwah. (Solah Abd al-Fattah al-Khalidi, 2000: 297). Pendekatan yang digunakan oleh Sayyid Qutb dalam menafsirkan al-Quran adalah pendekatan *tashwir* (penggambaran) iaitu satu gaya pentafsiran yang menampilkan pesanan al-Quran yang hidup dan mendalam sehingga mendorong pembacanya untuk melakukannya di samping gaya bahasanya yang indah. (Mahmud Ayub, 1992: 171)

Maksud manhaj dalam makalah ini ialah ciri-ciri dan kaedah yang jelas yang digunakan oleh Sayyid Qutb dalam menafsirkan dan menghuraikan ayat-ayat berkaitan wanita di dalam tafsirnya *Fi Zilal Al-Quran*. Sayid Qutb memiliki metodologinya yang tersendiri dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran di dalam kitabnya (Al-Rumi, Fahd, 1986: 1022). Antaranya menggunakan pendekatan ayat sastera di dalam tafsir, melazimi kaedah *taswir al-fanniy* iaitu kaedah menggambarkan sesuatu situasi agar mudah dihayati, meninggalkan tafsiran-tafsiran yang meragukan dan sebagainya. Namun apabila diperincikan terhadap ayat-ayat berkaitan wanita ini, didapati terdapat beberapa kaedah dan pendekatan tertentu yang beliau lakukan secara lazim berlaku terhadap ayat-ayat tersebut. Antara *manhaj* tersebut adalah seperti berikut;

1. **Beliau memfokuskan ayat-ayat ini dengan *wihdah maudhu'iyah* atau kesatuan tema yang sama dan konsisten.**

Kesatuan tema yang beliau sangat ambil berat daripada ayat-ayat ini dan akan disentuh dalam ayat berkaitan ialah pembinaan masyarakat yang bersih dan bermaruah berdasarkan manhaj rabbani yang mencakupi pembinaan individu muslim, pembinaan keluarga muslim dan pembentukan masyarakat Islam.

Pembinaan individu muslim banyak beliau sentuh melalui kisah-kisah di dalam al-Quran yang berkaitan dengan wanita sebagai contoh peribadi solehah yang beliau gambarkan melalui kisah *Imra'ah 'Imran*, kisah Maryam dan *Imra'ah Fir'aun* (Sayyid Qutb, 2004:2305). Beliau juga sangat mengambil perhatian yang serius terhadap pembinaan keluarga muslim kerana baginya keluarga adalah unit pertengahan yang membina individu dan mengukuhkan masyarakat. Justeru, penekanan ini sangat ketara dalam perbincangan dan tafsiran beliau terhadap ayat-ayat berkaitan perkahwinan, institusi kekeluargaan dan adab-adabnya (Sayyid Qutb, 2004:236). Manakala pembentukan masyarakat adalah matlamat utama daripada dua pembinaan yang sebelumnya agar Islam mampu ditegakkan di dalam sesebuah negara dan

dunia amnya. Masyarakat Islam menurut beliau adalah masyarakat yang melaksanakan dan mengamalkan Islam dalam setiap aspek kehidupan daripada aqidah, ibadah, sistem-sistem kehidupan dan akhlak (Sayyid Qutb, 2009:97).

## 2. Menghuraikan ayat secara umum dan meninggalkan perincian yang meragukan.

Antara perkara yang sangat jelas dalam kajian terhadap ayat-ayat berkaitan wanita adalah *manhaj* kedua ini, dan pengkaji mendapati Sayyid Qutb tidak menentukan dan menghuraikan sesuatu ayat secara terperinci, bahkan menghuraikannya secara umum dan bersikap adil terhadap lelaki dan wanita. Huraian terperinci hanya akan diberi sekiranya ayat tersebut berkaitan dengan konteks ayat. Sebagai contoh dalam ayat berikut;

وَإِذْ قَالَتِ الْمَلَائِكَةُ يَا مَرْيَمُ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاكِ وَطَهَّرَكِ وَاصْطَفَاكِ عَلَى نِسَاءِ الْعَالَمِينَ

*Maksudnya: Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika malaikat berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah telah memilihmu dan mensucikanmu dan telah memilihmu (beroleh kemuliaan) melebihi perempuan-perempuan seluruh alam.*

(Ali 'Imran:42)

Dalam ayat ini beliau tidak memperincikan sebab pemilihan Maryam berbanding wanita yang lain kecuali menyatakan secara ringkas ciri-ciri baik yang perlu menjadi ikutan oleh wanita dan lelaki yang lain. Begitu juga dalam ayat berkaitan zina dalam surah al-Nur, Sayyid Qutb tidak menyentuh tentang justifikasi *taqdim* perkataan (الزانية) ke atas perkataan (الزاني) sebagaimana dilakukan sebahagian ahli tafsir, bahkan beliau hanya menukulkan situasi semasa ketika ayat tersebut diturunkan di samping menyatakan bahawa pezina sama ada lelaki atau wanita adalah tidak beriman ketika saat mereka melakukan perbuatan terkutuk itu (Sayyid Qutb, 2004:2488). Beliau konsisten dengan *manhaj* ini dalam ayat-ayat yang lain misalnya dalam ayat (السارقة).

## 3. Menjustifikasikan hukum dengan hujah akal dan fenomena barat sebagai panduan.

*Tafsir Fi Zilal Al-Quran* diiktiraf sebagai sebuah kitab tafsir dalam kedudukannya yang tersendiri dan ia merupakan pencetus kepada madrasah tafsir haraki (Solah al-Khalidi, 2000:230). Antara kaedah yang beliau gunakan dalam tafsir ayat-ayat berkaitan wanita khususnya ayat-ayat *ahkam*, adalah penggunaan logik akal dalam menjustifikasikan hukum. Hal ini berkemungkinan kesan daripada pengalaman dan pengaruh pandangan beliau terhadap masalah-masalah sosial di negara barat yang patut dijadikan iktibar oleh umat Islam (Solah al-Khalidi, 2000:44).

Sebagai contoh huraian beliau tentang kepentingan institusi keluarga sebagai institusi utama dan pertama dalam pembinaan jasmani, ruh dan akal anak-anak. Beliau membawa contoh gejala keruntuhan akhlak anak-anak di negara Barat kesan daripada ibu yang keluar bekerja menyara keluarga dan anak-anak tidak mendapat perhatian yang sepenuhnya daripada si ibu. Justeru, beliau sangat konsisten dalam menolak penerimaan wanita bekerja di luar rumah (Sayyid Qutb(2004): 646).

Begitu juga dengan ayat berkaitan poligami, beliau berpendapat bahawa Islam mensyariatkan poligami bukan semata-mata untuk memutlakkannya kepada lelaki, tetapi menghadkan bilangannya berdasarkan situasi pada zaman jahiliyyah di mana lelaki berkahwin dalam bilangan yang banyak sehingga terabai tanggungjawab terhadap keluarganya. Beliau turut mengukuhkan bahawa sekiranya adil sebagai syarat poligami tidak terlaksana, maka

terbatallah keharusan tersebut (Sayyid Qutb, (2004): 579). Dalam hal ini beliau mengisyaratkan penggunaan akal dalam mentafsirkan nas dengan katanya;

"Peranan akal adalah dalam memahami mesej yang ingin disampaikan oleh nas berdasarkan makna-makna yang difahami daripadanya secara bahasa dan istilah, dan bukannya akal menjadi hakim dalam menerima atau menolak sesuatu mesej setelah diketahui makna ayat yang sebenar".(Sayyid Qutb(2004): 806)

Walau bagaimanapun, kadangkala beliau agak meleret-leret dan panjang dalam memberikan hujahnya sebagaimana tafsiran beliau tentang ayat berkaitan poligami dalam surah al-Nisa'.

#### 4. Meraikan fitrah kejadian manusia dan perasaan wanita.

Apabila seseorang membaca *Tafsir Fi Zilal Al-Quran* dia akan mendapati bahawa persoalan fitrah adalah elemen yang sangat diambil berat oleh Sayyid Qutb. Fitrah yang dimaksudkan tidak terhenti setakat fitrah manusia semata-mata, tetapi merangkumi fitrah alam dan penciptaannya, juga fitrah masyarakat yang menunjukkan segalanya berkait antara satu sama lain. Sebagai contoh huraian beliau tentang ayat *talaq* dan hukum *ila'*, yang fokus kepada fitrah kejadian manusia. Beliau menyatakan bahawa Islam diturunkan kepada manusia dan bukannya kepada malaikat. Manusia memiliki jiwa dan perasaan selain ruh dan akal yang membina dan menentukan sudut pandangannya. Justeru, sebahagian perkara perlu dilakukan sebagai jalan terakhir dalam menyelesaikan masalah sebagaimana hukum *talaq* disyariatkan. *Talaq* bukan untuk menzalimi wanita tetapi penyelesaian masalah terakhir setelah segala langkah lain yang didahulukan gagal (Sayyid Qutb, 2004: 238).

Begitu juga dengan fenomena wanita keluar bekerja, menurut beliau ia bertentangan dengan fitrah wanita sebagai seorang yang beremosi dan penuh kasih sayang, juga bertentangan dengan fitrah si anak yang sangat memerlukan kasih sayang sebenar daripada ibunya sendiri dan bukannya orang lain.

#### 5. Beriltizam dengan nas yang jelas.

Apa yang dimaksudkan dengan kaedah ini ialah sikap berhati-hati beliau dalam mentafsirkan sesuatu ayat dan tidak membawa tafsiran yang samar-samar maksudnya tanpa ada dalil dan nas yang jelas dan sahih. Terutamanya apabila ayat tersebut berkait dengan kedudukan tinggi seseorang. Sebagaimana contoh tafsiran beliau terhadap ayat tersebut;

وَأَذْكُرُ فِي الْكِتَابِ مَرْيَمَ إِذِ اتَّيَدَّتْ مِنْ أَهْلِهَا مَكَانًا شَرْقِيًّا

Maksudnya: Dan bacakanlah (wahai Muhammad) di dalam Kitab Al-Quran ini perihal Maryam, ketika dia memencilkan diri dari keluarganya di sebuah tempat sebelah timur.

(Maryam:16)

Sebahagian ahli tafsir mentafsirkan sebab Maryam memencilkan dirinya ke tempat yang tidak diketahui kerana beliau mandi daripada haidnya (Al-Zamakhshyari, 1987:9 dan Al-Razi, 2000:520). Namun, Sayyid Qutb mengambil jalan yang lebih baik dalam tafsirannya dengan hanya mengatakan bahawa kemungkinan beliau memencilkan diri kerana perkara khas yang berkaitan dengan gadis tanpa menyebutnya secara terperinci bertujuan menjaga maruah Maryam, di samping tidak wujud sebarang dalil yang jelas tentang itu daripada konteks ayat tersebut (Sayyid Qutb, 2004:2305).

## Kesimpulan

Melalui makalah ringkas ini menunjukkan bagaimana sikap Sayyid Qutb terhadap wanita secara tidak langsung. Beliau didapati sangat berhati-hati dalam tafsiran ayat berkaitan wanita dengan tidak mendatangkan dalil yang tidak jelas sebagai asas dalam tafsirannya. Selain itu beliau dilihat berlaku adil terhadap lelaki dan wanita dalam tafsirannya dengan meninggalkan perincian yang bias terhadap mana-mana gender. Sebaliknya, beliau sangat objektif dan memiliki matlamat dan fokus yang jelas dalam tafsirannya iaitu untuk memberikan penjelasan kepada pembaca bagaimana perkara-perkara berkaitan wanita ini perlu diambil berat dan diamalkan kerana ia merupakan antara asas untuk membina individu dan keluarga muslim, seterusnya mampu membentuk masyarakat Islam yang benar-benar beriltizam dengannya.

## Rujukan

- 'Abbas, Hasan Fadhl. (2010). *Itqan al-Burhan Fi 'Ulum Al-Quran*, Amman: Dar al-Nafais, jilid 1.
- Al-Fakhrurrazi. (2000). *Mafatih al-Ghaib*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, jilid 4.
- Husna Husain. (2015). *Ara' Sayyid Qutb Fi Qadhaya Al-Mar'ah Min Khilal Tafsir Fi Zilal Al-Quran*, Unpubl. PhD Thesis, Universiti Jordan: Fakulti Syariah.
- Al-Jassas, Ahmad bin Ali Abu Bakr Al-Razi. (1985). *Ahkam Al-Quran*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, jilid 5.
- Al-Khalidi, Solah Abd al-Fattah. (2000). *Madkhal Ila Zilal Al-Quran*, Amman: Dar 'Ammar.
- Al-Khattabi, Abu Sulayman Hamd bin Muhammad bin Ibrahim. (1932). *Ma'alim al-Sunan*, Halb: Al-Matba'ah al-'Ilmiyyah, jilid 1.
- Mahmud Ayub. (1992). *Quran dan Para Penafsirnya*, Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Al-Rumi, Fahd. (1986). *Ittijahat Al-Tafsir Fi al-Qarn al-Rabi' 'Asyar*, Ri'asah Idarat al-Buhus al-'Ilmiyyah wa al-Ifta' Wa al-Da'wah Wa al-Irsyad, jilid3.
- Al-Tirmizi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa. (1975). *Sunan Al-Tirmizi*, Mesir: Maktabah Mustafa Al-Bab Al-Halbiyy, jilid 5.
- Qutb, Sayid. (2004). *Tafsir Fi Zilal Al-Quran*, Kaherah: Dar al-Syuruq.
- \_\_\_\_\_. (2009). *Ma'alim Fi Al-Tariq*, Amman: Dar 'Ammar.
- \_\_\_\_\_. (2000). *Al-Manhaj Al-Harakiyy Fi Zilal Al-Quran*, Amman: Dar 'Ammar.
- Zaidan, Abdul Karim. (1993). *Al-Mufasssal Fi Ahkam Al-Mar'ah Wa Al-Bayt Al-Muslim*, Beirut: Muassasah al-Risalah, jilid4.
- Al-Zamakhsyari. (1982). *Al-Kasysyaf 'An Haqaiq Ghawamidh Al-Tanzil*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabiyy, jilid 3.